

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]
TARIKH : 19.5.2016
SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kolej vokasional yang telah dinaikkan taraf dilengkapi kemudahan fizikal bersesuaian dengan kenaikan taraf daripada sekolah kepada kolej.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menaik taraf sebanyak 80 buah Kolej Vokasional. Pihak KPM juga dalam usaha menaik taraf kemudahan fizikal bersesuaian dengan kenaikan taraf daripada sekolah kepada kolej dalam peruntukan yang telah diluluskan dalam RMKe-11.